

# MASALAH SOSIAL PELAJAR DAN HUBUNGANNYA DENGAN KEMEROSOTAN PEMBELAJARAN

Oleh:  
Fatimah binti Ali\*

## Abstract

*Youths or students are regarded as the future leaders. Currently many of them not only involved in disciplinary problems but with several alarming social problems. Some are involved in juvenile crimes such as murdering, raping and extortion. Others are involved in absenteeism from school and bullying. There are several factors contributing to social problems like lack of parental love and care, negative influence of peer groups, lack of religious education and others. Disciplinary problem is the main factor hindering the student's academic achievement.*

## PENDAHULUAN

Manusia adalah sejenis makhluk sosial. Mereka tidak dapat hidup bersendirian atau berseorangan. Ini kerana mereka memerlukan berbagai-bagai kebutuhan; fizikal dan spiritual. Sebagai seorang insan, selain ibu bapa pelajar memerlukan guru-guru untuk mendapatkan ilmu, bimbingan, tunjuk ajar dan khidmat nasihat. Mereka juga memerlukan kawan-kawan untuk menjadi teman semasa belajar dan mengadakan pelbagai aktiviti pembelajaran. Daripada kawan-kawan mereka boleh mendapatkan pandangan, sokongan, simpati dan kasih sayang. Ini menjadikan aktiviti pembelajaran lebih menyeronokkan.

Bagaimanapun melalui atau bersama kawan-kawan juga pelajar boleh terlibat dengan pelbagai masalah sosial dan disiplin. Media massa yang terdiri daripada media cetak dan elektronik secara berterusan mendedahkan berbagai-bagai masalah disiplin dan jenayah yang melibatkan pelajar seperti

---

\* Fatimah Ali, M.A., adalah pensyarah kontrak di Akademi Pengajian Islam, Nilam Puri, Universiti Malaya.

ponteng sekolah, membuli kawan, membunuh, merogol, merompak, meragut, mencuri dan lain-lain. Hal ini menimbulkan kebimbangan masyarakat terutama para pemimpin negara.

Vani Appalasami memberi contoh kronologi masalah sosial iaitu perbuatan 'melepak' yang menyebabkan wujud 'bohsia' dan di antara kesan menjadi bohsia ialah ada di kalangan mereka yang mengandung tanpa ikatan perkahwinan yang sah. Akibat daripada tidak ada ikatan perkahwinan yang sah, maka ada di antara mereka yang terlibat tidak bersedia untuk mempunyai anak ataupun pasangan mereka tidak mahu bertanggungjawab terhadap bayi yang dikandung. Justeru berlakulah pembuangan bayi di tempat sampah, perhentian bas, di depan masjid atau rumah orang dan sebagainya sebagaimana yang sering dipaparkan di dalam media masa.<sup>1</sup>

## KAJIAN-KAJIAN LEPAS

Kajian mengenai masalah sosial pelajar setakat ini belum begitu meluas. Namun tinjauan penulis mendapati ada beberapa penyelidik yang membuat kajian mengenai masalah ini. Antaranya ialah Azizah Lebai Nordin yang membuat kajian mengenai masalah disiplin di kalangan remaja. Beliau menyentuh tentang faktor-faktor penyumbang kepada masalah tersebut dan akibat masalah disiplin pelajar.<sup>2</sup> Pengkaji lain yang meninjau mengenai disiplin pelajar ialah Salmah binti Hussin. Beliau didapati telah menjelaskan tentang pelbagai jenis disiplin yang terdapat di sekolah. Manakala Zool Hilmi Hj. Suhaimi membuat kajian tentang gejala sosial remaja dan penyelesaiannya. Beliau membuat perbandingan antara remaja dahulu dan kini.<sup>3</sup>

Parthiban a/l Sinnapan pula menyelidik mengenai vandalisme, gengsterisme dan salah laku pelajar. Beliau mengulas mengenai punca salah laku remaja.<sup>4</sup> Sementara Ragunathan a/l Ayyavoo menghubungkan antara masalah disiplin dengan pencapaian akademik pelajar. Kajian-kajian di atas banyak membantu penulis dalam penyelidikan ini.

---

<sup>1</sup> Vani Appalasami (2001), *Masalah Sosial di Kalangan Remaja* (Latihan Ilmiah Jabatan Anropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya).

<sup>2</sup> Azizah Lebai Nordin (2002), *Masalah Disiplin di Kalangan Remaja* (Tesis Ph. D, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur).

<sup>3</sup> Zool Hilmi Hj. Suhaimi (1998), *Gejala Sosial Remaja dan Penyelesaiannya* (Latihan Ilmiah Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur).

<sup>4</sup> Pathiban a/l Sinapan (2002), *Vandalisme, Gangstarisme dan Salah Laku Sosial Pelajar* (Latihan Ilmiah Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur).

## **PERMASALAHAN KAJIAN**

Dewasa ini, masalah sosial di kalangan pelajar begitu ketara. Mereka bukan sahaja terlibat dengan pelanggaran disiplin yang penyelesaiannya boleh dilakukan oleh pihak sekolah seperti merokok dan ponteng sekolah, tetapi juga kesalahan jenayah yang melibatkan polis dan mahkamah seperti merogol dan membunuh.

Persoalan yang akan dibincangkan dalam kajian ini antara lain ialah apakah yang dimaksudkan dengan masalah sosial? Apakah faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya masalah sosial dan apakah masalah-masalah sosial mempunyai hubungan yang erat dengan kemerostan pencapaian akademik pelajar. Persoalan-persoalan tersebut akan terjawab melalui penulisan ini.

## **TUJUAN PENYELIDIKAN**

Pelajar adalah murid hari ini dan pembesar atau pemimpin pada masa hadapan. Sekurang-kurangnya mereka adalah pemimpin kepada diri sendiri, keluarga atau kelompok masyarakat sendiri. Jadi pendidikan merupakan antara agenda utama negara.

Pelajar perlu dibekalkan dengan pelbagai ilmu pengetahuan dan kemahiran agar mereka mampu menerajui negara pada masa akan datang. Sebab itu apa sahaja gejala yang menghalang pencapaian pelajar dari segi fizikal dan spiritual perlu dikenal pasti dan dibanteras termasuk juga masalah sosial. Ini kerana gejala sosial adalah penghalang kepada pencapaian pelajar dalam bidang pendidikan.

Setakat ini kajian mengenai hubungan masalah sosial dengan pencapaian akademik pelajar amat terhad dan tidak menyeluruh. Maka tulisan ini juga bertujuan untuk mengenal pasti dan menghurai masalah-masalah sosial di kalangan pelajar, jenis-jenis dan punca-puncanya. Tinjauan juga akan dibuat tentang hubung kait antara gejala sosial pelajar dengan pencapaian akademik mereka. Fakta-fakta ini penting untuk membuka mata masyarakat terutama ibu bapa dan para guru lebih-lebih lagi guru kaunseling. Mereka sentiasa berusaha untuk menghindarkan atau mengatasi masalah sosial dan meningkatkan pencapaian akademik anak-anak atau anak mereka.

## MASALAH SOSIAL PELAJAR

Masalah adalah sesuatu yang memerlukan penyelesaian, perkara atau keadaan yang menimbulkan kesukaran.<sup>5</sup> Sosial pula bererti segala yang berkaitan dengan masyarakat.<sup>6</sup> Oleh itu masalah sosial bermaksud perkara, keadaan atau kesukaran yang berlaku dalam masyarakat hasil interaksi antara anggota masyarakat.

Terdapat beberapa kajian yang menyelidik mengenai masalah atau gejala sosial yang berlaku di kalangan pelajar. Namun pengkaji menggunakan perkataan yang berbeza seperti masalah disiplin pelajar, gejala sosial remaja dan salah laku sosial pelajar. Laporan Jawatankuasa Kabinet yang mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran 1979 merumuskan pengertian ‘disiplin’ seperti berikut:

*“Disiplin dimaksudkan dengan kesanggupan seseorang individu menghormati dan mematuhi undang-undang sama ada disiplin itu dikenakan dari luar atau dengan kerelaan sendiri. Disiplin juga bermakna kesanggupan seseorang itu bekerja atau membuat sesuatu dengan cukup tertib, kesanggupan menghormati hak individu lain, kesanggupan mengamalkan tingkah laku yang baik dan tidak mengganggu tingkah laku orang lain, kesanggupan hormat menghormati di antara satu dengan lain dan mempunyai semangat tolong menolong dan kesanggupan membina keadaan yang sedia ada menerusi usaha yang membina serta sanggup berkhidmat kepada masyarakat”.*

Dalam petikan di atas terdapat ayat yang mengatakan disiplin juga bermakna ‘kesanggupan seseorang itu bekerja atau membuat sesuatu dengan cukup tertib, kesanggupan menghormati hak individu lain, kesanggupan mengamalkan tingkah laku yang baik dan tidak mengganggu tingkah laku orang lain, kesanggupan hormat menghormati di antara satu dengan lain’. Ini bererti orang yang berdisiplin tidak mengalami masalah sosial. Ini kerana mereka berkelakuan baik dan menghormati atau tidak mengganggu orang lain. Oleh itu masalah sosial sama dengan masalah disiplin. Manakala pengkaji mengenai gejala sosial<sup>7</sup> pula memaksudkannya dengan aktiviti-aktiviti yang kurang sihat termasuk yang melibatkan kes juvana. Mereka juga berbincang mengenai masalah sosial.

<sup>5</sup> Noresah bini Baharom (1996), *Kamus Dewan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 863.

<sup>6</sup> *Ibid*, h. 1301.

<sup>7</sup> Zool Hilmi Hj. Suhaimi (1998), *Gejala Sosial Remaja dan Penyelesaiannya* (Latihan Ilmiah Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur) h. 45.

Selain itu terdapat pengkaji<sup>8</sup> yang mengelaskan masalah sosial kepada 3 bahagian:

- i. Jenis kesalahan jenayah seperti mencuri basikal, melawan guru, bertumbuk sesama murid, berjudi dan mencuri kertas soalan ujian.
- ii. Jenis kesalahan gengsterisme seperti menjadi ahli kumpulan geng, mengutip duit 'pau' daripada pelajar lain, mencari gaduh dengan kumpulan lain, memaksa kumpulan lain untuk menjadi ahli kumpulan dalam geng dan berkelakuan seperti samseng.
- iii. Jenis kesalahan kurang sopan dan biadab seperti menghisap serta menyimpan rokok, mengganggu murid perempuan, melawan pengawas, bising dalam bilik darjah, minum serta menyimpan minuman keras, berbohong, berambut panjang, mengeluarkan kata-kata lucah, menonton dan menyimpan filem lucah dan lain-lain.

Inilah antara gejala sosial yang berlaku di kalangan pelajar. Ia bukan sahaja menjejaskan pelakunya tetapi juga mengganggu individu dan masyarakat sekitarnya, terutama rakan-rakan dan guru-gurunya.

## **FAKTOR-FAKTOR MASALAH SOSIAL PELAJAR**

Ada pendapat yang mengatakan pelajar sekolah terutama yang berada di peringkat remaja mengalami pelbagai krisis seperti mengalami perubahan fizikal dan emosi serta mencari identiti diri. Masa peralihan antara alam kanak-kanak dan alam dewasa ini merupakan suatu zaman yang penuh dengan keributan dan tekanan; di mana mereka pada masa yang sama perlu menyesuaikan diri dari segi hubungannya dengan orang dewasa, memenuhi harapan masyarakat sekitarnya dan juga ketidakupayaan untuk melihat realiti. Hal ini jelas di kalangan pelajar terutama pelajar sekolah menengah atau matrikulasi; di mana mereka keliru dan tidak memahami peranan diri serta tanggungjawab mereka dalam memenuhi harapan keluarga dan masyarakat.

Pendapat ini disokong oleh Laporan Pembangunan dan Permasalahan Sosial Selangor 2000<sup>9</sup> yang menjelaskan bahawa umur antara 16 hingga 18 tahun merupakan satu tahap kritikal dalam hidup manusia di mana berlaku

---

<sup>8</sup> Pathiban a/l Sinapan (2002), *Vandalisme, Gangstarisme dan Salah Laku Sosial Pelajar* (Latihan Ilmiah Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur) h. 7.

<sup>9</sup> Vani Appalasami (2001), *op. cit.*, h. 10.

tempoh peralihan daripada alam kanak-kanak kepada alam dewasa. Pada peringkat ini seseorang itu mula bertindak balas kepada tuntutan emosi untuk mencari gaya penampilan tersendiri.

Di sini boleh difahami bahawa ‘keremajaan’ menjadi salah satu faktor penglibatan pelajar dengan masalah disiplin atau gejala sosial. Kemungkinan mereka merasa bahawa mereka telah dewasa dan sudah boleh membuat keputusan sendiri. Hal ini menyebabkan keputusan yang diambil tidak tepat. Mereka sebenarnya masih belum cukup ilmu dan kurang pengalaman. Oleh itu mereka perlukan bimbingan dan tunjuk ajar daripada orang dewasa. Inilah yang dimaksudkan dalam laporan kajian Azizah binti Lebai Nordin (2002)<sup>10</sup> sebagai ‘faktor diri pelajar sendiri’.

Di samping itu terdapat banyak lagi faktor lain yang menyebabkan pelajar terjerumus ke dalam gejala sosial. Hasil kajian Azizah Lebai Nordin menunjukkan terdapat banyak faktor penyumbang kepada masalah disiplin pelajar. Antaranya ialah ibu bapa, sekolah dan rakan sebaya. Beliau menyokong pendapatnya dengan laporan kabinet 1979 yang menyebut bahawa disiplin seorang murid bukan ditentukan oleh sekolah sahaja. Alam sekitar dan masyarakat sekeliling juga mempunyai pengaruh terhadap disiplin seseorang murid. Masyarakat sekeliling dan persekitaran murid-murid di luar sekolah amat kuat pengaruhnya dalam pembentukan disiplin murid-murid.

Menurut Azizah tiap-tiap pengkaji memberi penekanan yang berbeza. Ada yang mengaitkan faktor keluarga, sekolah dan masyarakat (Rumberger, 1999), rakan sebaya dan media massa (Zuraidah Garif, 1990), faktor guru dan rakan sebaya (Saraswathy), sikap guru yang negatif dan saiz sekolah yang besar (Ghazali Osman, 1983), Persekitaran sekolah atau guru, kegagalan dalam pelajaran akademik dan rakan sebaya (Thi, 1994). Selain daripada faktor di atas kerisauan yang berkaitan dengan perkembangan atau perhubungan cinta juga mempengaruhi pelajar melakukan salah laku (Galloway, 1985). Itulah antara faktor masalah sosial pelajar menurut Azizah.<sup>11</sup>

Wan Norasiah Wan Ismail<sup>12</sup> sependapat dengan Azizah dari segi ibu bapa juga sebagai penyebab masalah sosial remaja. Hasil kajiannya menunjukkan tidak banyak terdapat komunikasi di antara golongan remaja dan ibu bapa

---

<sup>10</sup> Azizah Lebai Nordin (2002), *Masalah Disiplin di Kalangan Remaja* (Tesis Ph. D, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur) h. 36.

<sup>11</sup> *Ibid.*

<sup>12</sup> Wan Norasiah Wan Ismail (2003), *Ahlak Remaja di Felda Ulu Belitong* (Disertasi Master Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur) h. 97.

mereka. Ramai remaja mengatakan mereka tidak suka berkongsi masalah dengan ibu bapa terutamanya yang bersifat peribadi. Komunikasi dengan ibu bapa lebih bersifat formal dan rigid.

Ini mungkin kerana anak-anak remaja tidak suka dikawal. Mereka tidak suka ibu bapa mengarah mereka dalam semua perkara. Sebab itu ada ulama' yang mengesyorkan supaya ibu bapa bergaul dengan anak-anak di peringkat ini sebagai 'sahabat' untuk cuba menyelami pandangan dan masalah mereka. Dengan ini mereka tidak perlu lagi menjadikan kawan sebagai penasihat yang mungkin menjerumuskan mereka ke dalam pelbagai masalah.

Kajian Wan Asiah juga mendapati pengabaian dari sudut kasih sayang dan kurangnya komunikasi yang berkesan antara remaja dan ibu bapa adalah punca utama gejala sosial. Anak-anak remaja dianggap sudah matang untuk berfikir dan dilepaskan untuk bertindak mengikut kehendak hati mereka tanpa pengawasan dan pengawalan keluarga. Ditambah pula dengan kesibukan ibu bapa bekerja dari pagi sampai ke petang menyebabkan masa untuk bersama anak-anak amat terhad.<sup>13</sup>

Penulis mendapati ramai di kalangan ibu bapa yang sibuk dengan pekerjaan memberitahu bahawa mereka bekerja untuk kepentingan anak-anak. Mereka mencari wang untuk memenuhi kepentingan anak-anak seperti makan minum, pakaian, belanja sekolah dan lain-lain lagi. Ibu bapa bekerja keras, memeras keringat atau otak supaya keperluan anak-anak dapat dipenuhi.

Oleh itu anak-anak diharapkan memahami pengorbanan ibu bapa. Anak-anak yang memahami pengorbanan ibu bapa tidak akan merasa ibu dan ayah mengabaikan mereka. Sebaliknya merasa disayangi kerana kedua ibu bapa sanggup bersusah payah demi kesenangan mereka.

Bagaimanapun jarang anak-anak yang faham sumbangan ibu bapa. Ada yang menganggap usaha dan susah payah ibu bapa sebagai kewajipan mereka terhadap anak-anak. Jadi kasih sayang ibu bapa sukar difahami melalui pengorbanan yang diberikan. Tambahan pula orang Melayu biasanya sukar untuk mengungkapkan perasaan sayang terhadap anak-anak, meskipun mereka menyedari bahawa anak-anak perlukan kasih sayang.

Kajian Wan Norasiah juga menyokong dapatan Azizah bahawa pengaruh rakan sebaya adalah juga antara faktor gejala sosial pelajar. Beliau menghubungkan kaitan antara faktor ibu bapa dan rakan sebaya dalam mencetus dan menyemarakkan gejala sosial pelajar. Beliau menjelaskan ajakan dan pujukan rakan untuk melakukan gejala sosial menyebabkan pelajar

---

<sup>13</sup> *Ibid.*

terjebak dalam salah laku tersebut. Ini kerana rakan sebaya adalah individu yang paling hampir dengan remaja selepas keluarga.

Sekiranya ibu bapa dan keluarga tidak memberi perhatian dan kasih sayang yang secukupnya, remaja akan berkecenderungan mencurahkan masalah yang dihadapi kepada rakan sebaya dan seterusnya menjadikan mereka sebagai pakar rujuk dalam membuat sesuatu keputusan. Kajian beliau juga menunjukkan pengabaian penekanan kepada pendidikan agama serta contoh perilaku negatif daripada ahli keluarga juga menyebabkan anak-anak cenderung untuk melakukan salah laku akhlak.<sup>14</sup>

Daripada pemerhatian penulis ramai ibu bapa memberikan *qudwah* atau *uswah* atau contoh-contoh yang baik kepada anak-anak dari segi pakaian dan cara pergaulan. Anak-anak juga didedahkan kepada ajaran agama ketika belajar di sekolah. Namun pendedahan seperti itu tidak memberikan kesan. Anak-anak nampaknya lebih senang meniru perangai rakan sebaya atau remaja seangkatan yang dipertontonkan melalui media massa. Kononnya itulah yang lebih sesuai dengan mereka sebagai orang muda.

Walau bagaimanapun pemerhatian penulis mendapati ada anak-anak yang dilatih sejak kecil dengan cara berpakaian, bergaul dan mengambil tindakan sesuai dengan ajaran agama. Mereka difahamkan bahawa itulah cara hidup yang dapat menjamin kesejahteraan mereka dunia dan akhirat. Mereka dididik dan dibiasakan dengan kehidupan berlandaskan agama sehingga mereka menjadi remaja yang suka berdamping kepada penciptanya dengan melakukan amalan-amalan sunat untuk *bertaqarrub* kepadaNya. Anak-anak ini selamat kerana mereka tidak suka bergaul dengan remaja-remaja liar. Tetapi remaja seperti ini tidak ramai.

## **MASALAH SOSIAL DAN HUBUNGANNYA DENGAN KEMEROSOTAN PEMBELAJARAN**

Pencapaian akademik biasanya diukur dengan menggunakan satu ukuran pencapaian akademik yang standard. Pencapaian akademik yang ditentukan oleh skor ujian dan pemeriksaan menyumbangkan tentang konsep individu seseorang kepada ilmu. Cronback (1963) mengatakan bahawa pencapaian akademik di sekolah ditentukan oleh interaksi di antara variabel individu seperti keperluan pencapaian, kebebasan, '*self direction*', '*aptitude*', minat dan kepandaian serta pengaruh persekitaran seperti '*adult approval*', tekanan golongan rakan sebaya, keluarga, agama dan media massa.<sup>15</sup>

<sup>14</sup> *Ibid*, h. 133.

<sup>15</sup> Ragnathan a/l Ayyavo, *op. cit*, h.10.



Mengenai hubung kait antara pencapaian pelajar dengan masalah disiplin penulis sempat meninjau dapatan kajian beberapa orang penyelidik seperti berikut:

**1. Dapatan Kajian Ragunathan (2000):**

Pelajar yang terlibat dengan masalah sosial paling tinggi pencapaiannya adalah sederhana sahaja sementara pelajar yang tidak bermasalah ada yang pencapaiannya tinggi.<sup>16</sup>

**2. Dapatan Kajian Azizah Leai Nordin (2002):**

- i. Semakin tinggi pencapaian pelajar semakin kurang penglibatannya dalam salah laku jenayah.
- ii. Pelajar yang pencapaiannya tinggi kurang melibatkan diri dalam kategori salah laku jenayah berbanding dengan pelajar daripada pencapaian sederhana dan rendah.
- iii. Pelajar yang pencapaiannya tinggi kurang melibatkan diri dalam salah laku kekemasan diri berbanding dengan pelajar yang pencapaiannya sederhana dan rendah.
- iv. Pelajar yang pencapaiannya tinggi juga kurang terlibat dengan salah laku kurang sopan berbanding pelajar pencapaian sederhana dan rendah.<sup>17</sup>

Penulis juga sempat mewawancara Encik Mokhtar Musa.<sup>18</sup> Pendapat beliau menyokong hasil kajian di atas. Menurut beliau kajian yang dibuat di sekolah Menengah Bachok Kelantan tiga tahun ke belakngan ini menunjukkan bahawa pelajar-pelajar yang cemerlang tidak terlibat dengan masalah sosial atau disiplin. Manakala pelajar-pelajar bermasalah prestasi akademiknya semakin menurun. Beliau juga menyatakan bahawa masalah sosial atau disiplin lebih banyak berlaku di sekolah menengah kebangsaan atau sekolah menengah biasa berbanding dengan sekolah menengah agama. Ini mungkin kerana di sekolah agama pelajar lebih banyak didedah dan didorong supaya berakhlak mulia sebagaimana yang disarankan oleh Islam.

---

<sup>16</sup> *ibid*, 42.

<sup>17</sup> Azizah Lebai Nordin, *op. cit.*, h. 53-156.

<sup>18</sup> Beliau adalah seorang guru yang telah bertugas lebih dari 20 tahun. Beliau pernah bertugas di sekolah menengah agama dan sekolah menengah kebangsaan. Wawancara melalui telefon pada hari 23.6.2004, Rabu, jam 12.00 tengahari.

## **PENYELESAIAN MASALAH**

Kebanyakan masalah sosial yang dihadapi oleh remaja boleh diatasi oleh mereka secara bersendirian atau dibantu oleh orang lain. Bagaimanapun ada yang memerlukan bimbingan dan panduan daripada ibu bapa, guru, rakan sebaya dan orang lain. Ada juga remaja yang tidak sanggup menyelesaikan masalah sosialnya dan tidak mendapat bantuan yang menyebabkan terjejas pendidikan dan pencapaian akademik mereka.

## **KESIMPULAN**

Sebagai seorang anak pelajar terpengaruh dengan keluarga di mana mereka lahir dan membesar, terutama ibu bapa. Merekalah yang mencorak dan mewarnakan tingkah laku anak-anak mereka. Didikan dan tunjuk ajar oleh emak dan ayah serta ahli keluarga di rumah menjadi antara panduan kepada anak-anak yang bakal mewarisi mereka. Apabila anak-anak keluar rumah untuk belajar, ruang lingkup pergaulan mereka bertambah luas. Faktor-faktor yang mencorakkan akhlak mereka juga turut bertambah dengan adanya guru-guru dan rakan-rakan sebaya. Pengaruh rakan sebaya yang tidak baik turut memberi kesan kepada pelajar remaja yang sedang mencari-cari identiti diri tambahan pula bagi yang kurang kasih sayang dan pengawasan keluarga. Rentetan daripada masalah ini pencapaian akademik mereka turut terjejas.